



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (kanan) hadir selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan Sijil Penghargaan kepada mantan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid bagi Sesi 2019 - 2020 (atas). Manakala gambar bawah, Yang Berhormat menyampaikan Surat Lantikan kepada AJK Takmir Masjid Kampung Bengkurong bagi Sesi 2021 - 2022.



KOMITMEN AJK JAYAKAN AKTIVITI PENTAKMIRAN

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BENKURONG, Selasa, 30 Mac. - Pengimaran masjid bukanlah suatu tugas yang mudah dan tidak hanya menjadi tanggungjawab yang digalas oleh pegawai masjid sahaja, tetapi juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir masjidnya.

Setentunya komitmen AJK amat penting dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak sahaja yang bergerak secara sendiri.

Justeru, dengan kerjasama kedua-dua pihak ini akan menjadikan masjid gilang-gemilang dengan pelbagai aktiviti takmir mereka. Pentakmiran masjid juga, bukan hanya dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang berbentuk peraduan dan pertandingan yang dianjurkan, tetapi meliputi pentakmiran secara keseluruhan, khususnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah, seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi.

Sehubungan itu, Penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid bagi Masjid Kampung

Bengkurong bagi Sesi 2021 - 2022 kepada seramai 38 orang yang dilantik, diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan surat lantikan dan sijil penghargaan tersebut,

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Terdahulu, tetamu kehormat turut menyempurnakan penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid bagi Sesi 2021 - 2022 dan Penyampaian Sijil Penghargaan kepada 39 mantan AJK Takmir Masjid bagi Sesi 2019 - 2020.

Penutupan Kaunter Perkhidmatan, Pembayaran JPD

Siaran Akhbar :
Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Mac. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan kepada orang ramai bahawa disebabkan Penutupan Tahun Kewangan 2020 / 2021, maka semua Kaunter Perkhidmatan dan Pembayaran JPD hanya dibuka sebelah pagi sahaja, iaitu pada Rabu, 31 Mac 2021, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi, bagi Cawangan Ibu Pejabat JPD, Gadong; Pejabat Lama JPD Gadong, Daerah Brunei dan Muara; Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar JPD, Sungai Akar; Cawangan JPD Daerah Tutong; Cawangan JPD Daerah Belait; dan Cawangan JPD Daerah Temburong.

Semua Kaunter Perkhidmatan dan Pembayaran JPD akan kembali beroperasi seperti biasa, mulai Khamis, 1 April 2021.

Pembudayaan membaca mekanisme meningkatkan ilmu



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (tiga, kiri) semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia sebagai menyahut sokongan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) yang mengisytiharkan tarikh 23 April sebagai Hari Buku Sedunia.

GADONG, Selasa, 30 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia sebagai menyahut sokongan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) yang telah mengisytiharkan tarikh 23 April sebagai Hari Buku Sedunia.

Sehubungan itu, majlis perasmian tersebut menyempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Perasmian Sambutan Hari Buku Sedunia UNISSA 2021 diselenggarakan dengan Pelancaran Kelab Bahasa Inggeris 'Empower UNISSA' juga Sesi Bincang Buku,

bertajuk 'Wakaf Sudah Tiba Masanya Untuk Berubah', yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin.

Buku ini, menjelaskan secara terperinci tentang perkara yang berhubung kait dengan isu wakaf dari segi pemahaman dan perkembangan yang lebih relevan mengikut arus peredaran zaman.

Majlis tersebut diadakan selama empat hari, bermula 30 Mac hingga 3 April 2021, yang dikendalikan melalui Perpustakaan UNISSA dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).

Ia dianjurkan dengan tujuan untuk memupuk minat membaca dan meningkatkan kepekaan warga UNISSA, khususnya para pelajar terhadap buku-buku ilmiah, yang terdapat di pasaran dan perpustakaan, di samping menarik lebih ramai pelajar juga tenaga akademik untuk berkunjung ke Perpustakaan UNISSA dan secara tidak langsung mempromosikan koleksi juga perkhidmatan perpustakaan.

Selain itu, ia juga membuka peluang kepada orang ramai yang ingin meraih ganjaran pahala melalui wakaf sebagai model pada hari akhirat.

Terdahulu, Pemangku Pengarah PPP, Pengiran Dr. Hjh Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, sebagai sokongan dalam gerakan membaca, perpustakaan telah meletakkan pelbagai usaha dan tarikan bagi pembudayaan membaca sebagai satu mekanisme utama untuk meningkatkan ilmu di UNISSA.

Manakala dari segi sokongan terhadap penerbitan dan Hak Cipta pula jelasnya, PPP dengan kerjasama Fakulti Teknologi Islam juga mengambil langkah proaktif, dengan menawarkan Bengkel Plagiarism dan Turn It In, di mana bengkel ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran kepada warga kampus, khususnya kepada para pelajar dan pensyarah mengenai seriusnya kesalahan, di bawah Akta Hakcipta.

Beliau, seterusnya melahirkan

Berita dan Foto : Aimi Sani

harapan agar acara seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan dijadikan program tahunan UNISSA.

Penganjuran yang berterusan seperti ini diharap juga, katanya akan dapat membantu usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Brunei, khususnya warga UNISSA yang maju dan kaya dengan maklumat juga berpengetahuan luas.

Antara aktiviti yang akan diadakan sempena Minggu Hari Buku Sedunia ini ialah Ma'rad

Kutub yang melibatkan pameran dan jualan buku, terdiri daripada penerbit-penerbit kerajaan dan toko-toko buku tempatan; Bincang-bincang Buku (Ulasan Penulis bagi buku-buku yang baru diterbitkan PPP; Bengkel Plagiarism dan Turn it in; Wakaf Buku / Book Donation Drive untuk diserahkan ke wad-wad hospital; Kuiz; Klinik Buku (Perkhidmatan Pembaikan Buku); Aktiviti Storytelling anjuran PPIB; dan jualan makanan juga minuman.



ANTARA yang ikut serta dalam jualan buku-buku tersebut.